

KEARIFAN BERKAITAN MODAL SEMULA JADI DALAM KALANGAN PENAN DI SARAWAK

Benard Upieh & W. A. Amir Zal

Universiti Malaysia Kelantan

Corresponding Author: Benard Upieh
upieh.benard@gmail.com

Abstrak: Kaum Penan dan modal semula jadi adalah sinonim kerana penempatan dan kehidupan mereka di kelilingi oleh hutan yang kaya dengan flora dan fauna. Malah, kaum Penan memperoleh manfaat daripada modal semula jadi dengan memanfaatkannya demi menyertai sistem arus perdana. Bagi meneliti realiti tersebut, makalah ini meneroka pemilikan kemahiran kaum Penan berkaitan modal semula jadi. Kajian telah dilaksanakan ke atas kaum Penan di Batu Bungan, kampung Long Lesuan dan kampung Long Ludin, Baram, Sarawak. Proses pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam dan pemerhatian di lapangan. Hasil kajian mendapati, kaum Penan mempunyai empat (4) kemahiran khusus berkaitan modal semula jadi, iaitu 1) memburu, 2) kemahiran menggunakan sebagai simbol/ *oro*, 3) membuat kraf tangan dan 4) kemahiran untuk tinggal di dalam hutan. Kemahiran tersebut, kesemuanya diperolehi melalui hubungan langsung dengan modal semula jadi dan juga melalui proses pembelajaran. Kajian ini mencadangkan agar kemahiran kaum Penan berkaitan modal semula jadi didokumentasikan serta terus digalakkan dari aspek pemilikan serta penggunaannya kerana ia merupakan identiti kaum Penan dan menjadi 'alat' kelangsungan hidup mereka untuk menyertai masyarakat arus perdana.

Kata kunci: Kaum Penan, kemahiran, modal semula jadi, kelangsungan, kearifan.

Abstract: Penans and the natural capital are synonym for their settlement and lives surrounded by forest that rich in flora and fauna. In fact, the Penan benefit from the natural capital by utilizing it to join the mainstream system. To study the reality, this paper explores the possession of Penan's skills in relation to natural capital. Studies have been conducted on Penans in Batu Bungan, Long Lesuan village and Long Ludin village, in Baram, Sarawak. Data collection process is done by using in-depth interview and field observation methods. The findings show that the Penans have four (4) specific skills related to natural capital, namely: 1) hunting, 2) skills of using as symbols / *oro*, 3) crafting and 4) skills to survive in the forest. These skills are all derived through direct relationships with natural capital and through the learning process. This study suggests that Penan's skills in natural capital are documented and continue to be encouraged in terms of ownership and use it as it is the identity of the Penan and becomes their survival 'tool' to join the mainstream community.

Keywords: Penans, skills, natural capital, survival, knowledge.

Cite as: Upieh, B. & Amir Zal, W. A. (2019). Keakrifan berkaitan modal semula jadi dalam kalangan kaum Penan di Sarawak. *Asian People Journal (APJ)*, 2(1),116-125.

Received: 27 September 2018 **Accepted:** 21 November 2018

Pengenalan

Modal semula jadi merujuk kepada sumber-sumber yang wujud secara alami yang merangkumi flora dan fauna serta bentuk-bentuk kejadian lain yang ada dalam alam semula jadi (Amir Zal et al., 2014). Modal semula jadi dan Kaum Penan mempunyai kepentingan timbal-balik yang mewujudkan satu keakraban sejak sekian lama (Asung Uluk et al., 2001). Keakraban tersebut

menyebabkan kaum Penan mempunyai kemahiran tertentu berkaitan dengan modal semula jadi yang ada di sekeliling mereka.

Kaum Penan dipercayai berasal dari Sungai Kayan di Kalimantan, Borneo dan mula menetap di Sarawak pada tahun yang tidak dapat dianggarkan dengan tepat. Mereka lebih dikenali sebagai kumpulan kecil yang menghuni kawasan hutan belantara Borneo (Davis, 1990). Kini mereka dikenali sebagai salah satu daripada 28 kaum yang terdapat di Sarawak (Amir, 2010). Fakta ini diperkuatkan lagi dalam Artikel 161 (A) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan Seksyen 3 Ordinan Tafsiran Sarawak (Bab 61, 2005) yang mencatatkan kaum Penan sebagai anak negeri Sarawak. Lebih khususnya, kaum Penan dikategorikan sebagai Orang Ulu seperti yang tercatat dalam Bab Dua Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asal (2010). Kaum Penan di Malaysia dikategorikan kepada dua kumpulan yang besar, iaitu Penan Timur dan Penan Barat (Hood Salleh, 2006; Bending, 2006; SUARAM, 2010).

Penempatan kaum Penan kebanyakannya berada di Ulu Baram, Tutoh-Apoh, Belaga, Bintulu, Sungai Asap dan Limbang (Zawawi & Noorshah, 2012). Menurut statistik tahun 2010, kaum Penan di Sarawak adalah seramai 16,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Bilangan ini sedikit berbeza dengan statistik yang ditunjukkan oleh SUARAM (2010), iaitu populasi kaum Penan di Sarawak adalah seramai 15,400 orang yang melibatkan Penan Timur dan Penan Barat di Sarawak. Sungguhpun demikian, ini tetap menunjukkan berlakunya pertambahan berbanding dengan jumlah mereka yang seramai 14,000 orang pada 2004 (Hood Salleh, 2006).

Kaum Penan menetap di kawasan pedalaman Sarawak dan hanya sebilangan kecil yang keluar ke pekan atau bandar (Zawawi & Noorshah, 2012). Untuk mencapai penempatan mereka di kawasan pedalaman kebiasaannya mengambil masa melebihi lima jam dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda dari Bandaraya Miri, Sarawak (Bending, 2006). Meskipun mereka telahpun cuba bersama dengan masyarakat di arus perdana, identiti mereka sebagai kaum nomad masih lagi kekal. Seperti dinyatakan oleh Hood Salleh (2006), kaum Penan terkenal sebagai sebuah kaum yang mengamalkan cara hidup nomad, namun sudah mula mengamalkan cara hidup menetap, sama seperti kaum-kaum lain di Sarawak.

Realiti ini telah dinyatakan oleh Selvadurai et al. (2013) yang mendapati sudah banyak kaum Penan mempunyai penempatan yang tetap, malah penempatan tersebut khususnya di bahagian Belaga telah mempunyai prasarana moden yang baik, namun tetap mengekalkan ciri-ciri tradisi. Malah, dalam perkembangan terkini, semakin ramai kaum Penan yang menyerati sistem pendidikan formal dan berjaya dalam sistem tersebut (Zawawi&Noorshah, 2012). Bukan itu sahaja, sudah semakin menjadi kebiasaannya kaum Penan yang bekerja dalam sektor kerajaan, meskipun bilangannya tidaklah tinggi berbanding kaum lain (Hood Salleh, 2006).

Namun demikian, masih ada sebilangan kecil kaum Penan yang belum terlibat dalam sistem arus perdana dan mengamalkan cara hidup nomad sepenuhnya. Menurut SUARAM (2010), dianggarkan seramai 350 orang kaum Penan yang masih secara berpindah randah di dalam hutan belantara di Sarawak. Mereka antara kelompok kaum Penan yang masih aktif memanfaatkan modal semula jadi. Namun penggunaannya bukan sahaja untuk kegunaan sendiri harian, tetapi membantu memenuhi keperluan masyarakat luar.

Isu Kearifan dan Kemahiran Kaum Penan Berkaitan Modal Semula Jadi

Modal semula jadi dan kaum Penan mempunyai hubungan yang akrab antara satu sama lain sekaligus menyebabkan mereka mahir berkaitan dengan modal semula jadi di sekeliling. Modal semula jadi bermaksud alam persekitaran termasuklah flora dan fauna (Amir Zal et al., 2014). Modal semula jadi diperlukan oleh kaum Penan untuk menjalani kehidupan harian mereka. Oleh itu, kaum Penan dan modal semula jadi adalah sinonim dan mempunyai ikatan yang kuat. Ikatan

yang wujud tersebut seterusnya mewujudkan kemahiran yang mereka miliki berkaitan modal semula jadi. Kaum Penan sebagai masyarakat asli yang mendiami sesuatu kawasan dengan modal semula jadi merupakan satu hubungan yang timbal balik secara harmonis (Asung Uluk et al., 2001). Kemahiran kaum Penan berkaitan modal semula jadi bukan satu perkara baru, sebaliknya telah berlaku sejak turun temurun lagi.

Oleh demikian, modal semula jadi boleh dinilai sebagai satu identiti kaum Penan secara tradisi. Identiti merupakan sesuatu yang rumit untuk difahami secara terpisah kerana ia merangkumi pelbagai sudut (Fee, 2004). Sehingga ke hari ini modal semula jadi menjadi identiti kaum Penan kerana mereka masih bergantung padanya untuk tujuan kelangsungan hidup (Brosius, 1991; Ezra, 2002). Setiap sudut kehidupan kaum Penan sama ada ekonomi, sosial dan gaya hidup adalah berkait rapat dengan modal semula jadi (Davis et al., 2011). Walaupun demikian identiti mereka berkaitan dengan modal semula jadi kini diandaikan mempunyai sisi baru, selain identiti tradisional mereka. Sisi baru identiti kaum Penan berasaskan modal semula jadi tersebut belum dapat dikenal pasti secara khusus agar boleh dikategorikan dan direkodkan secara ilmiah.

Kehidupan kaum Penan yang sinonim dengan modal semula jadi turut mencerminkan kemahiran yang kompleks berkaitan modal semula jadi. Sama seperti identiti kaum Penan berkaitan dengan modal semula jadi, kemahiran mereka juga merangkumi keseluruhan aspek kehidupan. Kemahiran tersebut boleh dinilai dari sudut ekonomi, sosial dan gaya hidup mereka sejak sekian lama hingga ke hari ini.

Sungguhpun demikian, kemahiran kaum Penan pada modal semula jadi tersebut belum dapat dikenal pasti secara khusus berkaitan aspek kehidupan mereka yang mana satu. Dengan mengambil kira permasalahan tersebut, makalah ini berusaha untuk meneroka pemilikan kemahiran kaum Penan berkaitan dengan modal semula jadi

Metodologi Kajian

Penyelidik menggunakan reka bentuk kajian etnografi dalam melaksanakan kajian ini. Reka bentuk kajian etnografi membantu penyelidik untuk memahami dengan mendalam nilai dan cara hidup kaum Penan, khususnya berkaitan identiti dan kemahiran berkaitan modal semula jadi. Penyelidik telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu 1) temu bual mendalam, dan 2) pemerhatian. Temu bual mendalam bermaksud interaksi bersemuka antara penyelidik dan informan dalam beberapa waktu yang sesuai mengikut keperluan dan kelapangan (Mohd Nawi, 2000). Manakala pemerhatian merupakan satu proses di mana penyelidik berada dalam persekitaran subjek bagi tujuan memerhati dan mencatat dalam beberapa jangka masa yang ditetapkan (Chua, 2012).

Sampel kajian ini adalah kaum Penan yang menetap di tiga buah kampung yang terletak di daerah Tutoh-Apoh iaitu, Kampung Batu Bungan, Kampung Long Lesuan dan Kampung Long Ludin. Penyelidik memilih tiga buah kampung tersebut kerana penduduknya mempunyai ciri-ciri yang diperlukan untuk mencapai objektif kajian iaitu, masih lagi akses pada modal semula jadi dalam kehidupan seharian.

Penyelidik menggunakan pensampelan bertujuan dalam melaksanakan kajian. Pensampelan bertujuan bermaksud penyelidik menetapkan ciri-ciri khusus untuk memilih informan kajian sepanjang di lapangan kajian. Pensampelan bertujuan digunakan kerana membantu penyelidik mencapai objektif kajian berasaskan ciri-ciri informan yang dipilih. Penyelidik telah menetapkan tiga ciri khusus untuk memilih informan iaitu, pengalaman hidup, pekerjaan dan kekerapan akses pada modal semula jadi.

Penyelidik telah melibatkan seramai 9 orang informan mewakili kampung Batu Bungan, 8 orang informan mewakili kampung Long Lesuan dan 6 orang informan mewakili kampung Long

Ludin dalam proses pengumpulan data. Informan-informan tersebut merupakan sampel yang telah terlibat dalam kaedah temu bual mendalam, pemerhatian dan nota lapangan. Jumlah informan tersebut telah ditetapkan sehingga mendapat ketepuan data. Kajian telah dilaksanakan di daerah Tutoh-Apoh di Sarawak yang melibatkan tiga buah perkampungan Kaum Penan iaitu, Kampung Batu Bungan, Long Lesuan dan Long Ludin.

Data yang diperoleh dianalisis dengan perisian komputer QSR NVivo. Data yang diperoleh dari temu bual mendalam ditranskripsikan (*transcribing*) terlebih dahulu berasaskan teknik verbatim. Ini bermaksud penyelidik akan menulis kembali suara-suara atau perbualan temu bual mendalam satu per satu atau ayat demi ayat dalam bentuk teks. Semuanya ditulis mengikut jawapan yang diberikan oleh informan kajian.

Hasil Kajian

Bahagian ini adalah berkenaan hasil kajian yang diperoleh dari kajian lapangan. Hasil kajian menunjukkan kaum Penan mempunyai kemahiran berasaskan modal semula jadi yang boleh diperhatikan melalui beberapa aspek kehidupan seharian mereka. Kemahiran-kemahiran mereka berasaskan modal semula jadi ialah i) kemahiran memburu, ii) kemahiran menggunakan sebagai simbol/ *oro*, kraf tangan dan iii) kemahiran untuk tinggal di dalam hutan.

1. Kemahiran Memburu

Terdapat pelbagai kemahiran berkaitan modal semula jadi dimiliki oleh peserta kajian, antaranya ialah kemahiran berburu. Kemahiran berburu memerlukan kemahiran memerhati keadaan hutan, sungai, bukit dan gunung. Keadaan hutan yang dihuni oleh haiwan-haiwan tertentu perlu diketahui. Pada kawasan hutan yang mendatar atau landai, peserta kajian tahu bahawa jenis haiwan yang menghuni kawasan tersebut adalah kijang, pelanduk dan landak. Manakala, bagi kawasan gunung atau berbukit pula, haiwan memanjat seperti monyet, beruang dan harimau dahan yang selalu ada di kawasan berkenaan.

Peserta kajian juga tahu kawasan tanah yang mudah untuk menjejaki bekas tapak kaki haiwan yang diburu. Menurut pengalaman penyelidik ketika turut serta berburu bersama informan kajian, beliau memang mahir menjejaki haiwan hanya berdasarkan bekas tapak kaki. Namun, menjejaki haiwan buruan berpandukan hanya tapak kaki agak sukar, kerana tidak semua haiwan meninggalkan kesan tapak kaki. Oleh kerana peserta kajian berkemahiran dalam selok-belok modal semula jadi, mereka boleh melakukan perkara tersebut dengan mudah, khususnya kerana tahu di kawasan yang bagaimana untuk menjejaki.

Namun, bukan kemahiran menjejaki sahaja yang perlu dimiliki oleh peserta kajian, mereka juga perlu tahu kawasan haiwan-haiwan biasanya tidur dan berehat. Kebanyakan peserta kajian memang tahu kawasan-kawasan yang menjadi tempat tidur haiwan buruan mereka. Antaranya kawasan semak, di sebalik pangkal pokok yang telah tumbang atau batang pokok yang berlubang. Selain itu, peserta kajian juga tahu jenis kayu yang boleh digunakan kulitnya untuk dijadikan tali bagi tujuan memikul haiwan buruan mereka pulang ke rumah. Terdapat sejenis pokok yang disebut “kemitan” dalam bahasa Penan yang selalu dijadikan tali.

Kulit pokok tersebut yang diambil dan dijadikan tali bagi tujuan memikul dan mengikat haiwan buruan seperti babi, kijang atau rusa bagi memudahkan mereka membawanya pulang. Kulit pokok tersebut biasanya digunakan bersama dengan rotan bagi tujuan yang sama. Jenis rotan dan kulit kayu yang digunakan bukanlah sembarangan kerana sesetengah rotan atau kulit kayu tidak tahan lasak bagi tujuan memikul bebanan yang berat. Oleh itu, kemahiran untuk mengenali jenis pokok yang boleh diambil kulitnya dijadikan tali serta jenis rotan yang sesuai diperlukan dalam aktiviti berburu.

2. Penggunaan sebagai Simbol / Oro' dan Kraf Tangan

Peserta kajian juga menggunakan modal semula jadi sebagai simbol atau 'oro' dan kraf tangan tertentu. Peserta kajian mempunyai simbol-simbol tertentu yang dikenali sebagai 'oro' sebagai satu cara berkomunikasi di dalam hutan. Kesemua simbol tersebut adalah berasaskan modal semula jadi dan hanya antara mereka sahaja yang memahami maksudnya atau arahan yang diberi. Pada masa kini golongan muda masih lagi mempelajari dan memahami sesetengah "oro" yang diletakkan di dalam hutan. Namun demikian, untuk tujuan komunikasi, bukan 'oro' sahaja yang digunakan. 'Seratak' turut digunakan bagi fungsi yang sama, tetapi lebih khusus sebagai untuk menunjukkan arah perjalanan seseorang ketika di dalam hutan. Peserta kajian rata-ratanya tahu tentang simbol-simbol tersebut dan ia merupakan sebahagian daripada kemahiran mereka berkaitan dengan modal semula jadi.

Manakala, bagi tujuan untuk dijadikan produk kraf tangan, peserta kajian tahu jenis semula jadi yang diperlukan, antaranya ialah rotan. Rotan digunakan untuk menghasilkan bakul pelbagai bentuk dan saiz. Selain itu, peserta kajian memerlukan rotan bagi tujuan ikatan pada kraf tangan lain. Juga, pada setiap pisau, parang dan mata tombak memerlukan sejenis ikatan khusus menggunakan rotan yang dipanggil 'ulat'. Ikatan 'ulat' pula terbahagi kepada lima jenis iaitu, '*ulat telo*' (ikatan pada buluh tabung peluru sumpit), '*ulat poe*' (ikatan pada hulu parang), '*ulat nahat*' (ikatan pada hulu pisau), '*ulat jaau*' (ikatan besar/kuat), '*ulat siik*' (ikatan yang digunakan pada bakul rotan). Hampir semua jenis kraf tangan yang dihasilkan memerlukan rotan untuk melengkapkannya.

Selain rotan, kayu dan buluh turut menjadi pilihan sebagai produk untuk dijadikan kraf tangan. Kayu dan buluh yang digunakan bukanlah semua jenis, ia ada spesies yang tertentu untuk tujuan tersendiri. Terdapat kayu yang lembut, keras, beracun dan tahan lama. Bagi produk kraf tangan yang digunakan sebagai senduk untuk memasak, kayu yang tidak beracun mesti digunakan. Selain senduk, terdapat garpu kayu yang digunakan khas oleh peserta kajian untuk memakan linut yang dikenali sebagai 'atip'. Garpu berkenaan juga perlu dihasilkan menggunakan kayu yang tidak beracun. Pengetahuan berkaitan dengan jenis-jenis kayu yang beracun dan tidak beracun dimiliki oleh peserta kajian bagi meneruskan kehidupan seharian. Manakala, kayu jenis lembut atau keras dan tahan lama pula digunakan untuk tujuan membuat sarung parang dan hulu parang atau pisau. Selain kayu, buluh turut dijadikan sebagai kraf tangan seperti tabung dan tempat menyimpan peluru sumpit. Lazimnya ketika di dalam hutan, buluh dijadikan tempat penyimpanan air untuk kegunaan memasak.

3. Kemahiran Tinggal di dalam Hutan

Selain kemahiran untuk menjadikan modal semula jadi sebagai kraf tangan, peserta kajian turut mahir untuk mengenal pasti modal semula jadi hutan untuk tujuan perladangan. Kawasan hutan yang dijadikan ladang bukanlah dipilih sesuka hati. Pelbagai faktor perlu diambil kira seperti mata air atau anak sungai, bukit, tanah rata, jenis tanah dan pokok-pokok yang ada. Jika terlalu banyak pokok besar kawasan hutan tersebut, ia adalah kawasan yang tidak sesuai untuk dijadikan ladang kerana tidak berbaloi untuk menebang terlalu banyak pokok.

Peserta kajian berada di dalam hutan untuk pelbagai tujuan tidak kira siang atau malam. Salah satu tujuan untuk mereka berada di dalam hutan adalah untuk berburu. Namun demikian bagi tujuan berburu, peserta kajian tidak terlalu lama berada di dalam hutan. Mereka biasanya berada semalaman sahaja melainkan mereka 'toro' berburu. 'Toro' dalam konteks berburu sama kaedahnya dengan 'toro' mencari gaharu, cuma bezanya adalah dari segi tujuan. Apabila peserta kajian 'toro' berburu, mereka akan berada di dalam hutan sehingga seminggu lamanya. Aktiviti

berburu tersebut memerlukan peserta kajian mempunyai kemahiran tertentu untuk membolehkan mereka untuk berada dengan selesa di dalam hutan. Antara kemahiran yang diperlukan ialah memastikan kawasan untuk bermalam yang selamat dan sesuai. Selain itu, kemahiran untuk mengetahui arah angin untuk memasang api atau mengelakkan dikesan oleh haiwan turut diperlukan ketika berburu.

Kemahiran untuk berada di dalam hutan bagi tujuan '*toro*' mencari gaharu sama sahaja dengan '*toro*' memburu. Peserta kajian berada di dalam hutan untuk beberapa ketika dan perlu tahu berkaitan beberapa perkara seperti kawasan untuk mendirikan rumah sementara. Kawasan untuk mendirikan rumah sementara bukan sahaja mengambil kira faktor keselamatan tetapi juga mengenal pasti sumber air. Sumber air perlulah tidak terlalu jauh dari rumah dan tidak terlalu dekat, ini adalah bagi tujuan kebersihan. Selain itu, kemahiran untuk berada di dalam hutan untuk mengelakkan tersesat turut perlu ketika aktiviti '*toro*' mencari gaharu. Bagi mengelakkan tersesat, peserta kajian mempunyai teknik-teknik perjalanan yang tersendiri dengan menandakan kawasan yang dilalui dengan potongan pada pokok-pokok atau '*piet*'. Tanda '*piet*' merupakan satu tanda di mana kayu kecil akan dipatahkan tetapi tidak dijatuhkan dari pokoknya sebagai tanda bahawa mereka telah lalu di kawasan tersebut. Oleh itu, jika mereka berjalan pulang, mereka akan mencari tanda '*piet*' tersebut untuk pulang ke rumah.

Tersesat di dalam hutan merupakan perkara yang biasa berlaku dalam kalangan peserta kajian. Pernah berlaku di mana ahli kumpulan yang turut serta '*toro*' mencari gaharu tersesat. Perkara tersebut mengundang masalah lain dalam aktiviti mencari gaharu kerana anggota kumpulan yang lain tidak boleh meneruskan kerja-kerja mencari gaharu. Mereka perlu pergi mencari anggota kumpulan yang sesat sehingga berjumpa. Perkara tersebut menunjukkan semangat setia kawan yang tinggi bagi ketika berada di dalam hutan dan ia adalah amalan mereka sejak turun-temurun.

Kemahiran untuk berada di dalam hutan juga diperlukan ketika peserta kajian berladang. Aktiviti menebas ladang di peringkat awal biasanya dilakukan dengan cara bermalam di kawasan ladang tidak kira di mana ladang mereka. Hal ini disebabkan mereka tidak suka membuang masa dan tenaga untuk ulang-alik di antara ladang dan kampung setiap hari ketika aktiviti menebas. Namun demikian tidak semua peserta kajian yang memilih untuk bermalam di ladang. Ramai yang memilih untuk ulang-alik dari kampung memandangkan kawasan ladang yang berdekatan dengan jalan utama atau berdekatan dengan kampung.

Berkaitan dengan aktiviti '*paleu*' pula, aktiviti ini merujuk kepada usaha untuk mendapatkan sagu rumbia yang mana kerap memerlukan peserta kajian untuk berada di dalam hutan beberapa hari. Hal tersebut disebabkan kebanyakan pokok rumbia yang tumbuh secara semula jadi kini berada jauh di dalam hutan. Oleh itu, peserta kajian perlu bermalam di hutan bagi mempersiapkan proses mendapatkan sagu rumbia tersebut. Aktiviti '*paleu*' perlu melalui beberapa peringkat iaitu memilih pokok rumbia yang sesuai, menebang, memotong, membelah, '*metek*' dan mengumpul sagu untuk dibawa pulang ke rumah. Kemudian sagu tersebut dikeringkan di atas api sebelum ditapis untuk disimpan.

Bagi tujuan '*paleu*' kemahiran asas seperti mengenal pasti pokok rumbia yang mempunyai sagu merupakan keutamaan. Ini kerana, tidak semua pokok rumbia boleh diambil untuk dapatkan sagunya. Pokok yang matang sahaja mempunyai sagu apabila diperah. Pengetahuan tersebut adalah dipelajari daripada orang tua mereka. Antara ciri-ciri yang dilihat pada pokok sagu untuk mendapatkan sagunya adalah pokok yang mempunyai pucuk muda tidak melebihi satu depa. Namun demikian, pucuk muda yang kurang dari satu depa adalah pilihan yang utama. Selain itu, kematangan buah pokok rumbia juga menjadi ukuran untuk mengetahui sama ada ia mempunyai sagu atau tidak. Jika buahnya sudah gugur, maka pokok sagu tersebut adalah terlalu tua dan tidak

banyak sagunya jika buahnya masih melekat pada tangkainya dan kelihatan masak, pokok tersebut yang akan ditebang untuk mendapatkan sagu. Kebiasaannya, peserta kajian akan menebang satu atau dua pokok rumbia sahaja untuk sekali proses penghasilan sagu. Mereka tidak suka membazir dan akan menebang pokok rumbia yang betul-betul dikehendaki sahaja. Dengan demikian, penggunaan mereka adalah secara mapan dan masih ada pokok-pokok yang tersimpan untuk kegunaan masa hadapan.

Perbincangan

Sifat kebergantungan pada modal semula jadi boleh ditakrifkan sebagai keadaan keterikatan pada hutan yang boleh memberi manfaat untuk memenuhi keperluan hidup (Putu Oka et al., 2006). Realiti tersebut turut berlaku bagi kaum Penan yang mana menunjukkan kebergantungan mereka pada modal semula jadi. Namun, lebih menarik kerana kebergantungan tersebut menzahirkan realiti kearifan mereka berkaitan modal semula jadi. Kaum Penan mempunyai pelbagai kemahiran berkaitan dengan modal semula jadi dan pada masa yang sama memanfaatkannya (Zawawi & Noorshah, 2012).

Kemahiran mereka berkaitan dengan modal semula jadi adalah gaya hidup mereka, lebih-lebih lagi kemahiran tersebut merupakan kemahiran yang diperlukan bagi tujuan kelangsungan hidup dari generasi ke generasi. Meskipun kaum Penan telah mengalami transisi dari segi gaya hidup mereka, iaitu dari gaya hidup nomadik kepada hidup menetap, mereka masih mengekalkan kemahiran berkaitan modal semula jadi. Kemahiran yang dimiliki tersebut turut memberi nilai tambah dalam memperbaiki status ekonomi kaum Penan dari segi penghasilan barangan kraf tangan (Doris et al., 2015). Situasi tersebut sekaligus telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Antara kemahiran mereka berkaitan dengan modal semula jadi yang telah diperincikan dalam kajian ini ialah, kemahiran berburu, kemahiran menggunakan modal semula jadi sebagai simbol dan penghasilan kraf tangan dan kemahiran mereka untuk menetap (tinggal) di dalam hutan. Kemahiran berburu yang dimiliki oleh kaum Penan bukan perkara baru kerana sarjana terdahulu juga telah menggelar mereka sebagai masyarakat "*hunter-gatherer*" yang berpindah randah di dalam hutan belantara (Ritchie & Maddocks, 2009). Walaupun sarjana terdahulu tidak menyatakan secara khusus berkaitan dengan cara perburuan kaum Penan, kajian ini telah berjaya memperincikannya. Hasil kajian menunjukkan bahawa kemahiran kaum Penan berburu memang masih wujud sehingga ke hari ini dan mengekalkan kaedah tradisional, iaitu menggunakan sumpit dan jerat.

Kemahiran memburu bermaksud kaum Penan mahir untuk memburu haiwan-haiwan bagi tujuan kelangsungan hidup mereka yang ada di dalam hutan. Kaum Penan mempunyai kemahiran memburu dengan beberapa kaedah seperti menyumpit dan memasang jerat. Kemahiran dalam berburu merangkumi aspek yang luas bagi kaum Penan kerana berburu merupakan satu proses. Berburu bukan bermaksud masuk ke hutan dan mendapat haiwan buruan dengan mudah. Sebaliknya, kemahiran yang tinggi diperlukan untuk mengenal pasti keadaan sekeliling, menjejaki dan menghendap kawasan hutan tertentu yang didiami oleh haiwan buruan.

Selain itu, setelah mendapat haiwan buruan, kemahiran lain pula diperlukan bagi menguruskan haiwan tersebut sebelum dibawa pulang ke rumah. Mereka perlu mahir berkaitan dengan denai yang telah dilalui agar tidak tersesat dengan mudah ketika pulang dari berburu tidak kira siang atau malam. Setiap satu kemahiran berkaitan berburu perlu dikuasai satu per satu secara berperingkat oleh setiap individu. Sepanjang kajian, informan-informan kajian rata-ratanya memiliki kemahiran berburu yang begitu baik. Realiti tersebut menunjukkan bahawa kaum Penan merupakan satu etnik yang begitu mahir dalam hal ehwal berburu.

Keperluan dan kehendak kaum Penan yang luas menyebabkan mereka bergantung pada modal semula jadi (Lyndon et al., 2013). Namun demikian, keperluan dan kehendak yang tidak dinyatakan lebih terperinci bentuknya dalam penulisan sarjana sebelum ini. Kajian ini mendapati keperluan dan kehendak kaum Penan yang bergantung pada modal semula jadi membawa kepada kemahiran tertentu. Kaum Penan mempunyai kemahiran berkaitan modal semula jadi yang ada bagi tujuan interaksi dalam hal menggunakannya sebagai simbol. Bagi penggunaan simbol, kaum Penan mempunyai kaedah tertentu untuk menghasilkan mesej “oro” (simbol) untuk menyampaikan maklumat atau pesan. Kemahiran untuk hasilkan oro tersebut perlu dipelajari oleh setiap individu bagi kebaikan masing-masing. Tidak semua informan (terutamanya golongan muda) memahami oro yang diguna pakai bagi interaksi di dalam hutan.

Namun demikian, kemahiran tersebut masih dimiliki oleh kaum Penan sehingga kini untuk interaksi mereka ketika berada di dalam hutan. Jenis-jenis oro tersebut sepatutnya direkodkan berserta dengan makna yang jelas sebagai sumber rujukan di masa hadapan. Generasi muda masa kini ramai yang telah melupakan gaya hidup tradisional mereka, tidak hairan jika berapa jangka masa yang akan datang kemahiran berkaitan dengan oro akan lenyap begitu sahaja.

Manakala bagi penghasilan kraf tangan, secara tradisinya kaum Penan menghasilkan kraf tangan bagi tujuan kegunaan harian mereka sahaja dan bukannya bertujuan untuk dijual (Mackenzie, 1995). Namun demikian, peralihan gaya hidup mereka yang telah menetap pada masa kini menyebabkan mereka menjadikan kemahiran menghasilkan kraf tangan berasaskan modal semula jadi sebagai satu mata pencarian. Kemahiran menjadikan modal semula jadi sebagai kraf tangan menunjukkan cara mereka memanfaatkannya. Bagi tujuan untuk dijadikan produk kraf tangan, kaum Penan tahu jenis modal semula jadi yang diperlukan, antaranya ialah rotan.

Rotan digunakan untuk menghasilkan bakul pelbagai bentuk dan saiz. Selain itu, peserta kajian memerlukan rotan bagi tujuan ikatan pada kraf tangan lain. Selain rotan, kayu dan buluh turut menjadi pilihan sebagai produk untuk dijadikan kraf tangan. Kayu dan buluh yang digunakan bukanlah semua jenis, ia ada spesies yang tertentu untuk tujuan tersendiri. Terdapat kayu yang lembut, keras, beracun dan tahan lama. Setiap bahan yang diperlukan untuk menghasilkan kraf tangan tersebut boleh diperolehi dari modal semula jadi yang ada di persekitaran mereka. Kaum Penan dikenali sejak dahulu lagi sebagai pembekal hasil hutan bagi tujuan jual beli kepada masyarakat luar (Brosius, 1991). Sehingga kini, kaum Penan masih menjadi pembekal hasil modal semula jadi malah lebih baik kerana mereka telah mempunyai interaksi jual beli yang luas bagi memasarkan hasil kraf tangan mereka (Faridah & Rahah, 2012).

Kaum Penan dikenali sebagai etnik yang mengamalkan gaya hidup nomad pada masa lampau (Malone, 2014). Kemahiran yang mereka miliki ketika mengamalkan gaya hidup nomad masih kekal sehingga ke hari ini. Walaupun mereka telah hidup menetap, mereka masih keluar masuk hutan untuk memenuhi keperluan harian. Kajian mendapati kaum Penan masih mahir untuk tinggal di dalam hutan untuk tempoh tertentu. Tinggal di dalam hutan bermaksud mereka masuk ke hutan dan tidak pulang ke rumah untuk tempoh yang diperlukan. Tempoh tersebut ditetapkan bergantung pada tujuan mereka untuk masuk ke hutan.

Lazimnya, apabila kaum Penan tinggal di dalam hutan (*toro*) mereka boleh mengambil masa sehingga sebulan. Perkara tersebut merupakan satu rutin bagi mereka kerana mereka tahu bagaimana untuk mendapatkan sumber makanan atau sumber lain yang diperlukan. Selain *toro*, kaum Penan juga akan tinggal di dalam hutan apabila ingin mendapatkan sagu rumbia (*paleu*). Namun aktiviti paleu dilakukan dalam kumpulan kecil seperti dua orang hingga seisi keluarga sahaja. Tidak kira bagi tujuan apa kaum Penan tinggal di dalam hutan, perkara tersebut tetap membuktikan bahawa mereka mempunyai kemahiran yang tinggi berkaitan dengan modal semula jadi.

Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan

Hasil kajian menunjukkan kaum Penan mempunyai banyak kemahiran yang berkaitan dengan modal semula jadi. Ia juga menunjukkan bahawa mereka mengamalkan cara penggunaan modal semula jadi yang mapan bagi mewujudkan keseimbangan ekosistem yang baik. Implikasi yang agak negatif ialah, kaum Penan akan menerima kesan secara langsung daripada impak-impak negatif yang berlaku ke atas modal semula jadi di keliling mereka. Di samping kesan negatif tersebut, terdapat lebih banyak perkara positif bagi pihak kaum Penan daripada kemahiran mereka berasaskan modal semula jadi.

Mereka boleh mengekalkan amalan tradisional mereka yang bergantung pada modal semula jadi bagi pelbagai tujuan dalam kehidupan. Tambahan pula, perkara ini menyebabkan mereka menjadi mahir berkaitan hal ehwal modal semula jadi seperti hutan serta flora dan fauna yang ada. Kemahiran yang mereka miliki ini tidak dapat dinafikan kerana ia terbukti melalui kajian ini di mana kaum Penan tidak menghadapi sebarang masalah berkaitan dengan modal semula jadi dari segi akses, kawal dan mempromosi modal semula jadi dengan cara mereka sendiri. Kaum Penan juga amat sinonim dengan hutan belantara dan ia menjadi satu kebiasaan bagi mereka untuk keluar masuk hutan bagi pelbagai tujuan.

Memandangkan kaum Penan tidak dapat terpisah daripada modal semula jadi dan ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka, tidak salah jika kerajaan melakukan sesuatu untuk menyokong perkara tersebut. Sebagai contohnya, pihak kerajaan atau badan berautoriti yang lain boleh mengambil langkah melalui undang-undang untuk mengekalkan sumber modal semula jadi bagi kaum Penan. Hal tersebut bukan bermaksud untuk membiarkan mereka terus hidup dengan cara tradisional mereka dan dipinggirkan dari pembangunan.

Selari dengan usaha untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi mereka, kerajaan boleh menyumbang beberapa bentuk pembangunan pada masa yang sama. Kaum Penan bukanlah satu kaum yang sukar untuk menerima pembangunan yang diberi dengan cara yang betul. Malah mereka lebih bersikap berdikari dan kreatif dalam mengaplikasikan kemahiran berkaitan modal semula jadi yang ada sesuai dengan kegunaan dan cara hidup mereka pada masa kini.

Jika secara berdikari mereka boleh hidup secara harmoni sambil mengekalkan keakraban dengan modal semula jadi, apatah lagi jika beberapa pembaharuan dalam kehidupan mereka dilakukan. Pasti kehidupan yang lebih baik dan tahap ekonomi yang lebih mantap bagi mereka boleh diwujudkan. Perkara tersebut akan membantu mereka untuk meneruskan kehidupan yang semakin lama semakin mencabar dengan mengambil kira perubahan dan pembangunan negara Malaysia ke arah negara maju.

Rujukan

- Amir Zal, W. A., Salleh, H., Omar, M., & Halim, S. (2014). Kebolehcapaian dan Keterancaman Modal Semula Jadi Orang Asli Lanoh di Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 178-188.
- Bending, T. (2006). *Penan Histories: Contentious narratives in upriver Sarawak*. Feiburg: Kitlv Press.
- Chan, H. (2007). Survival in the rainforest: Change and resilience among the Punan Vuhang of eastern Sarawak, Malaysia. *Research Series in Anthropology*. 21 (10), 44-69.
- Chua Yan Piaw. (2009). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.

- Doris P.S., Hamidah Y., Sivapalan S., Lyndon N. (2015). *Getting The Malaysian Native Penan Community Do Business For Inclusive Development And Sustainable Livelihood*. Selangor. PERKEM 10.
- Faridah S. & Rahah H., (2012). *Innovation In Orang Ulu Indigenous Crafts*. K. Samarahan. Jurnal of Borneo Kalimantan, UNIMAS.
- Fee, Y. L. (2004). Kedinamikan kecinaan dan identiti orang Cina di Malaysia. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 22, 167-181.
- Hood, S. (2006). *Peoples and traditions*. Kuala Lumpur: Star Standard Industries (Pte) Ltd.
- Levang, P., Sitorus, S., & Dounias, E. (2007). City life in the midst of the forest: a Punan hunter-gatherer's vision of conservation and development. *Ecology and Society*, 12(1), 88-106.
- Mackenzie, I. Davis, W., and Kennedy, S. (1995). *Nomads of the Dawn. The Penan of the Borneo Rainforest*. California: Pomergranats Artbooks.
- Malone, P. (2014). *The Peaceful people. The Penan and their fight for the rainforest*. Puchong: Vinlin Press Sdn.Bhd.
- Reeves, S., Kuper, A., & Brian, H., (2008). *Qualitative Research Methodologies: Ethnography* Toronto: University of Toronto Press Ltd.
- Ritchie, J. & Maddocks, C. (2009). *Penan on the move: a reporter's travelogue*.
- Selvadurai, S., Er, A. C., Lyndon, N., Sum, S. M., Saad, S., Manaf, A. A., & Ramli, Z. (2013). Penan natives' discourse for and against development. *Asian Social Science*, 9(8), 72.
- Sercombe, P.G. and Sellato, B. (2008). *Beyond The Green Myth*. Copenhagen: NIAS Press.
- SUARAM Komunikasi. (2010). *A Wider Context of Sexual Exploitation Of Penan Women and Girls in Middle and Ulu Baram, Sarawak, Malaysia*. Selangor: Polar Vista Sdn.Bhd.
- Unit Sukarelawan Penan Sarawak (2000), Kuching: Sarawak
- Unit Perancang Negeri Sarawak (2010).
- Uluk, A., Sudana, M., dan Wollenberg, E. (2001). *Ketergantungan Masyarakat Dayak Terhadap Hutan di Sekitar Taman Nasional Kayan Mentarang*. Bogor Barat: Center for International Forestry Research (CIFOR).
- Zawawi, I. dan Noorshah, M.S. (2012). *Masyarakat Penan dan Impian Pembangunan: Satu Himpuan Naratif Ketertpinggiran dan Jatidiri*. Puchong: Vinlin Press Sdn.Bhd.